

## **Siti Khadijah kini di Paris Van Java, Bandung Indonesia!**

**Sabtu, 3 Mac 2018-** Peneraju telekung inovasi di Malaysia, Telekung Siti Khadijah melangkah setapak ke hadapan lagi dengan membuka sebuah lagi butik Siti Khadijah yang terletak di Paris Van Java, Bandung Indonesia. *Grand Launching* pembukaan Butik Siti Khadijah ini berlangsung pada 3 dan 4 Mac 2018.

*Grand Launching* Butik Siti Khadijah ini turut diserikan dengan kehadiran Pengasasnya, Puan Padzilah Enda Sulaiman dan isteri Wali Kota Bandung, Ibu Atalia Praratya Ridwan Kamil di Paris Van Java, Bandung, Indonesia. Butik Siti Khadijah di Bandung ini merupakan cawangan butik kedua di Indonesia. Waktu operasinya pula bermula pada jam 10 pagi sehingga jam 10 malam.

Telekung Siti Khadijah sangat fokus dengan membawa objektif yang tersendiri. Bukan hanya mengharapkan keuntungan semata-mata, dengan memperluaskan empayar perniagaan ke peringkat global, ianya diharap menjadi inspirasi kepada kaum wanita untuk menceburi bidang perniagaan. Bukan itu sahaja, SK juga menawarkan peluang pekerjaan bagi warga Indonesia yang komited dan ingin berjaya.

Pengasas Telekung Siti Khadijah, Puan Padzilah Enda Sulaiman dalam ucapannya mengatakan tiada apa yang mustahil dalam kehidupan ini, asalkan kita berusaha bersungguh. Jika tiada ilmu dalam perniagaan, jangan serik untuk menimba ilmu-ilmu baru tentang perniagaan. Jadikan individu yang sudah berjaya ke peringkat antarabangsa sebagai model dan inspirasi untuk berjaya suatu hari nanti. Ini juga membuktikan bahawa orang Muslim juga mampu membawa perniagaan mereka ke tahap yang lebih tinggi, iaitu luar dari pasaran tempatan.

*“Syukur Alhamdulillah, Telekung Siti Khadijah telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa dengan membuka sebuah butik di Bandung, Indonesia ini. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada famili kecil saya, iaitu anak-anak dan suami yang sentiasa menjadi pembakar semangat saya dalam bisnes. Tidak lupa juga buat kepada famili besar saya, iaitu #TeamSK yang sentiasa bekerja bersungguh-sungguh bagi memastikan kualiti dan mutu Telekung Siti Khadijah berada di tahap tertinggi. InsyaAllah, dengan pembukaan butik baru Siti Khadijah di Bandung ini akan membuka mata para ibu tunggal diluar sana bahawa tiada apa yang mustahil. Saya juga bermula dengan ‘zero knowledge’ tentang ilmu perniagaan. Namun, jika kita bekerja keras, insyaAllah kita pasti akan sukses.”*

**Puan Padzilah Enda Sulaiman ,  
Pengasas Telekung Siti Khadijah**

Telekung Siti Khadijah yang sinonim sebagai Mukena Siti Khadijah di Indonesia sudah memasuki pasaran Indonesia sejak 2015 dan mempunyai sebuah gedung pengeluaran di Jakarta. Lokasi Bandung dipilih sebagai kota kedua selepas Jakarta kerana *demand* yang tinggi daripada pelanggan di sana dan pihak SK sering ditanya bila butik SK dapat di buka di Bandung. Eksklusif bagi produk di pasaran Indonesia yang tidak ada di Malaysia, rekaan yang dibuat lebih mementingkan kepada corak dan rekaan dinamik hasil daripada permintaan pelanggan di Indonesia itu sendiri.

Bagi mendapatkan lebih maklumat lanjut mengenai produk SK pilihan anda, boleh layari laman sesawang Mukena Siti Khadijah di [www.sitikhadijah.com/id](http://www.sitikhadijah.com/id) atau *LIKE* laman Facebook Telekung Siti Khadijah atau layari Instagram [@catalogue.sitikhadijah](https://www.instagram.com/catalogue.sitikhadijah). Maklumat lanjut, boleh hubungi Mohammad Munzir Aminuddin, Pengarah Pemasaran Siti Khadijah Apparel Sdn. Bhd, di talian 019-600 3683, [munzir@sitikhadijah.com](mailto:munzir@sitikhadijah.com) ataupun emailkan ke Team SK kami di alamat emel [hasif.hilmi@sitikhadijah.com](mailto:hasif.hilmi@sitikhadijah.com)